

INISIATIF-INISIATIF UTAMA 2026

SOKONG PMKS, TINGKAT PEMATUHAN

INISIATIF 1



Pelaksanaan Klinik Pematuhan dan Kempen Pemulihan Serah Simpan Dokumen Statutori bagi membantu syarikat yang menghadapi kesukaran memenuhi keperluan serah simpan dokumen statutori di bawah Akta Syarikat 2016 serta menyediakan tempoh yang bersesuaian untuk melaksanakan tindakan pemulihan

INISIATIF 2



Meneruskan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) yang menyediakan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) sebagai usaha memperluas peluang keusahawanan serta menggalakkan penglibatan mereka dalam perniagaan secara sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

INISIATIF 4



Pengenalan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma Warga Emas (SPPWE) sebagai kategori baharu di bawah SPPP, yang menawarkan pendaftaran perniagaan secara percuma bagi tahun pertama kepada warga emas. Inisiatif ini adalah selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang menekankan pembangunan ekonomi inklusif

INISIATIF 3

SPPP

SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PERCUMA

Melanjutkan tempoh pendaftaran Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) daripada satu (1) tahun kepada dua (2) tahun bagi menyokong kelestarian PMKS





PERKHIDMATAN KLINIK PEMATUHAN DAN KEMPEN PEMULIHAN SERAH SIMPAN DOKUMEN STATUTORI

SSM memperkenalkan Klinik Pematuhan dan Kempen Pemulihan Serah Simpan Dokumen Statutori bagi membantu syarikat yang menghadapi kesukaran memenuhi kewajipan pematuhan di bawah Akta Syarikat 2016.

Kempen ini akan berlangsung dari **16 April 2026 hingga 30 September 2026**. Syarikat yang menyertai kempen ini perlu mengisi borang Aku Janji dan akan diberi peluang untuk memulihkan pematuhan melalui:

- Tempoh **3 bulan** untuk serah simpan Penyata Tahunan (PT) dan Pemunya Benefisial (PB) tertunggak;
- Tempoh **6 bulan** untuk serah simpan Penyata Kewangan (PK) tertunggak; dan
- Tempoh **3 bulan** untuk memohon pemotongan nama syarikat tidak aktif

Syarikat yang menyertai pelan pemulihan akan dikecualikan daripada penawaran kompaun bagi kesalahan yang belum dikompaun serta tindakan pendakwaan dalam **tempoh tiga (3) bulan bagi PT dan PB atau enam (6) bulan bagi PK** dari tarikh Aku Janji.

Selain itu, syarikat yang telah melaksanakan tindakan pemulihan yang dipersetujui boleh mendapat **pengurangan kompaun yang lebih tinggi daripada kadar semasa, iaitu sehingga 98.75% mengikut seksyen kesalahan yang berkenaan.**

PT bagi syarikat yang tarikh ulang tahunnya (*anniversary*) bermula **25 Mac 2026** dan **PK bagi tahun kewangan (FYE)** bermula **30 Oktober 2025** dan ke atas **TIDAK TERMASUK** di bawah Kempen Pemulihan kerana pelanjutan masa untuk serah simpan perlu dimohon mengikut prosedur sedia ada.

Klinik Pematuhan akan dilaksanakan di lima (5) negeri iaitu:

- Kuala Lumpur : **13 April 2026** • Selangor : **23 April 2026** • Johor : **29 April 2026**
- Sabah : **5 Mei 2026** • Sarawak : **7 Mei 2026**

Maklumat lanjut dan soalan lazim (FAQ) berkenaan inisiatif ini boleh diperolehi di portal rasmi SSM, www.ssm.com.my



IMBAS DISINI UNTUK AKSES BORANG AKU JANJI

BERKUATKUASA 16 APRIL 2026

PERNIAGAAN ANDA BERMULA DI SSM



INISIATIF 2



MENERUSKAN SKIM 1 OKU 1 PERNIAGAAN

Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) diteruskan bagi memberi peluang kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk menceburi bidang perniagaan secara sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Skim ini menawarkan **pegecualian fi pendaftaran sebanyak RM30 setahun bagi perniagaan milikan tunggal yang menggunakan nama sendiri seperti dalam kad pengenalan atau RM60 setahun bagi pendaftaran menggunakan nama tred** serta terhad kepada satu perniagaan bagi setiap OKU.

Maklumat lanjut dan soalan lazim (FAQ) berkenaan inisiatif ini boleh diperolehi di portal rasmi SSM, www.ssm.com.my

BERKUATKUASA 16 APRIL 2026





MELANJUTKAN SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PERCUMA KEPADA DUA (2) TAHUN

SSM melanjutkan tempoh pendaftaran Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) **daripada satu (1) tahun kepada dua (2) tahun** melibatkan usahawan kumpulan B40 serta pelajar sepenuh masa di IPTA/IPTS, Politeknik, Kolej, Institut Kemahiran dan Pusat Kemahiran di dalam negara untuk mendaftarkan perniagaan mereka secara percuma di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Melalui skim ini, **pegecualian fi sebanyak RM120** diberikan bagi pendaftaran menggunakan nama tred, **RM60** bagi pendaftaran menggunakan nama sendiri serta **RM10** bagi cetakan maklumat perniagaan.

Maklumat lanjut dan soalan lazim (FAQ) berkenaan inisiatif ini boleh diperolehi di portal rasmi SSM, www.ssm.com.my

BERKUATKUASA 1 JUN 2026



INISIATIF 4



MEMPERKENALKAN SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PERCUMA WARGA EMAS (SPPWE)

Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma Warga Emas (SPPWE) adalah **kategori baharu yang diperkenalkan di bawah SPPP** bagi memberi peluang kepada warga emas untuk menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan, sekali gus membolehkan mereka terus aktif menyumbang kepada ekonomi negara.

Keperluan inisiatif ini adalah signifikan untuk Malaysia menuju ke arah negara menua (*ageing nation*), selaras dengan aspirasi RMK-13 untuk memastikan pembangunan ekonomi yang inklusif dan menyantuni semua lapisan masyarakat, termasuk golongan warga emas.

Manfaat yang disediakan bagi golongan warga emas termasuk kemudahan **pendaftaran perniagaan secara percuma bagi tahun pertama, sebanyak RM60 bagi pendaftaran menggunakan nama tred, RM30 bagi pendaftaran menggunakan nama sendiri serta RM10 bagi cetakan maklumat perniagaan.**

Maklumat lanjut dan soalan lazim (FAQ) berkenaan inisiatif ini boleh diperolehi di portal rasmi SSM, www.ssm.com.my

BERKUATKUASA 1 JUN 2026

